

BANTUAN MENYELESAIKAN HUTANG UMUM (AL-GHARIMIN)

OBJEKTIF

Membantu meringankan beban kewangan masyarakat Islam Sarawak yang menanggung hutang disebabkan keperluan mendesak yang dibenarkan oleh syarak dan tidak berlebih-lebihan bagi keperluan hidup atau maslahah.

KEKERAPAN

Kadar bantuan diberi sekali sahaja.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Pemohon hendaklah penduduk Islam Sarawak dan Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak.
2. Keutamaan berpendapatan bulanan pada paras Had Al-Kifayah Asnaf Fakir dan Miskin sahaja
3. Terpaksa berhutang disebabkan keperluan mendesak yang dibenarkan oleh syarak dan tidak berlebih-lebihan bagi keperluan hidup atau maslahah.
4. Hutang yang dapat disahkan melalui dokumentasi.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)

1. Dokumen asas.
2. Bagi pembayaran melalui akaun pihak ketiga (umum), hendaklah menggunakan Borang Kebenaran Akaun Pihak Ketiga.